

## Bab 2

### Perbandingan Konsep Melayu dan Orang Melayu di Thailand dengan di Malaysia

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini dijalankan tinjauan terhadap orang Melayu atau konsep Melayu di Thailand dan perbandingannya dengan konsep Melayu di Malaysia. Terdapat beberapa keperluan untuk tinjauan ini. Pertama, tidak seperti di Malaysia, yang orang Melayunya telah didefinisikan dengan mantap melalui perlombagaan, di Thailand pula terdapat satu kekeliruan atau kekacauan mengenai konsep Melayu. Kedua, perbezaan konsep Melayu di kedua-dua negara yang akan dijelaskan turut mempengaruhi penggunaan istilah ini. Pada satu pihak, iaitu di Malaysia istilah tersebut digunakan sebagai teras perpaduan negara; di Thailand pula istilah Melayu ini secara rasmi tidak dibenarkan penggunaannya, malah konsep demikian dianggap sebagai ancaman terhadap perpaduan negara yang berteraskan budaya dan bahasa Thai. Sebaliknya kerajaan Thailand menghendakkan orang Melayu dalam negaranya menganggap diri mereka sebagai “orang Thai beragama Islam”. Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999a : 171) menerangkan hal ini seperti yang berikut:

“Kerajaan menjalankan langkah-langkah melenyapkan dan menghilangkan istilah *Melayu* yang sekaligus mencantumkan bahasa, bangsa dan agama pada diri Melayu, dan digantikan dengan istilah *Thai Muslim*. Dengan menggunakan

istilah Thai Muslim, maka secara perlahan-lahan golongan Melayu pun hilang daripada Negara Thai. Yang terdapat ialah orang Thai Muslim yang terdiri daripada beberapa keturunan dan tidak didiskriminasikan dengan bahasa-bahasa rumpunnya, walaupun di dalam kenyataan hampir semua Thai Muslim itu orang Melayu.”

Perbezaan konsep Melayu antara kedua-dua negara ini dicerminkan dalam penggunaan istilah tersebut dalam masyarakat masing-masing. Keadaan demikian jelas menunjukkan perhubungan antara bahasa dengan anggapan masyarakat. Dengan demikian tinjauan di sini berada dalam salah satu bidang lingkungan sosiolinguistik, atau lebih tepat sosiologi bahasa, yang mengkaji perhubungan antara bahasa dengan jati diri. Di Malaysia konsep Melayu menjadi asas atau teras jati diri kebangsaan, manakala di Thailand pula istilah tersebut dianggap sebagai ancaman terhadap jati diri negara.

Di Malaysia, menurut Fasal 160 Perlembagaan, sesiapa sahaja yang menganut agama Islam, berbahasa Melayu dalam kehidupan seharian dan mengamalkan cara hidup Melayu ditafsirkan sebagai orang Melayu (Ismail Hamid, 1988 : 4). Bahasa Melayu di Malaysia, yang diangkat tarafnya sebagai bahasa kebangsaan negara setelah emerdekaan, dianggap sebagai bahasa bagi semua rakyat Malaysia, bukan sebagai milik bangsa Melayu (Hassan Ahmad, 1997 : 219). Penukaran nama yang pernah berlaku dari “Bahasa Melayu” ke “Bahasa Malaysia” jelas menunjukkan hal ini. Walau bagaimana pun, istilah “Bahasa Malaysia” telah digantikan semula dengan “Bahasa Melayu”, dan ini pula merupakan “pemansuhan konotasi atau pun batasan politik pada bahasa Melayu itu, dan dengan itu juga pada kebudayaan Melayu” (Ismail Hussein,

1999 : 4). Dengan kata lain, melalui penukaran nama sebanyak dua kali, konsep Melayu yang tersirat pada bahasa Melayu di Malaysia telah mengalami peluasan makna secara berperingkat-peringkat.

Agama Islam juga tidak dapat dikaitkan dengan orang Melayu secara eksklusif. Terdapat sejumlah penganut agama Islam yang berbangsa India, yang dalam bahasa percakapan dirujuk sebagai *mamak*. Mualaf daripada kaum Cina yang bertukar agamanya juga tidak sedikit jumlahnya. Di samping itu terdapat juga kaum bumiputera bukan Melayu yang menganut agama Islam di Sabah dan Sarawak. Di Malaysia, walaupun kebanyakan penganut agama Islam ialah orang Melayu, agama ini diterima sebagai agama universal, agama untuk semua bangsa, dan tidak terikat pada mana-mana bangsa. Lihat sahaja bahasa yang digunakan dalam khutbah solat Jumaat. Walaupun kebanyakan masjid di Malaysia menggunakan bahasa Melayu, terdapat beberapa masjid yang menggunakan bahasa lain. Di Masjid India di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, khutbahnya disampaikan dalam bahasa Tamil. Di Masjid Pakistan di Chow Kit, khutbahnya dalam bahasa Urdu. Di masjid Universiti Islam Antarabangsa, ada kalanya khutbahnya di sampaikan dalam bahasa Inggeris. Dengan itu, jelaslah bahawa anggapan “Islam adalah Melayu” tidak dapat digunakan dalam keadaan di Malaysia (walaupun “Melayu adalah Islam” merupakan ungkapan yang benar di sisi Perlembagaan).

Tetapi keadaannya agak berlainan di Thailand. Konsep Melayu penuh dengan kekeliruan dan kekacauan yang dibangkitkan oleh sikap serta pandangan kerajaan Thai. Secara rasmi, kerajaan Thai tidak membenarkan istilah Melayu digunakan untuk merujuk kepada orang Melayu, kerana kerajaan hendak mereka beranggapan bahawa

diri mereka ialah orang Thai. Dengan demikian kerajaan menganjurkan satu istilah yang membangkitkan kekeliruan dan kemarahan, iaitu *Thai Muslim*. Secara umum, bahasa Melayu di Thailand memainkan peranan yang amat mustahak dalam jati diri Melayu, dan dengan demikian, isitilah Melayu pula sentiasa dikaitkan secara langsung dengan agama Islam. Menurut Hasan Madmarn (1999 : 15), di selatan Thai istilah Melayu dirujuk sebagai bahasa ibunda bangsa Melayu, dan pada masa yang sama menjadi tanda pengikut Islam. Dengan kata lain, menurutnya lagi, bercakap dalam bahasa Melayu adalah sama makna dengan beragama Islam. Jadi di sini ada satu pertalian yang amat erat antara bahasa Melayu, kebangsaan Melayu dan Islam.

Dalam bahagian ini, pertama sekali dibincangkan konsep Melayu di Malaysia yang diperluas mengikut perkembangan kenegaraan Malaysia, seterusnya diikuti oleh perbincangan tentang konsep Melayu di Thailand yang dikaitkan secara amat erat dengan agama Islam.

## 2.2 Konsep Melayu di Malaysia

Dari sudut pandangan pengajian Melayu, konsep yang menjadi teras dalam idang pengajian ini, iaitu konsep Melayu masih tidak dapat ditafsirkan dengan tepat dan sempurna. Dari satu segi, hal ini amat membantu untuk meluaskan ruang lingkup pengajian Melayu, kerana dengan adanya konsep yang tidak dapat didefinisikan dengan mantap, maka ruang lingkupnya boleh diperluas sekiranya perkara yang dikaji itu ada hubungan dengan suatu perkara yang bersifat Melayu atau berkaitan dengan Melayu.

Dengan demikian, bidang yang dapat diselidiki dalam ruang lingkup pengajian Melayu amat luas dan mendalam, sehingga meliputi berbagai-bagai bidang pengajiannya, termasuk pengajian bahasa, masyarakat, unsur-unsur kebudayaan seperti sastera, kesenian, pembinaan, ukiran, tarian dan seumpamanya. Dengan kata lain, pengajian Melayu bukan setakat kajian kawasan, tetapi keluasan bidangnya lebih daripada itu. Misalnya, penelitian terhadap bahasa Melayu pasar yang dituturkan oleh bangsa bukan Melayu boleh dijadikan satu kajian yang penting dalam konteks pengajian Melayu, terutamanya dalam bidang sosiolinguistik yang berkaitan dengan penguasaan bahasa kedua, walaupun di sini penutur yang menjadi bahan kajian bukan orang Melayu. Penganalisisan terhadap karya sastera dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh bangsa bukan Melayu juga boleh dilakukan di bawah ruang lingkup pengajian Melayu, terutamanya sebagai pengajian sastera Melayu.

Walaupun masih hampir tidak ada hasil kajiannya, kajian terhadap bahasa yang erumpun dengan bahasa Melayu di luar Nusantara juga merupakan satu bidang pengajian Melayu yang amat berpotensi, seperti bahasa Melayu di sekitar Bangkok dan bandar Nakhon Sri Thammarat, bahasa Sulu atau bahasa rumpun Melayu di Filipina, bahasa Melayu di Champa, bahasa orang laut di kepulauan pesisir pantai barat selatan Thailand, bahasa peribumi Taiwan dan sebagainya. Kesemua bahasa yang disenaraikan di atas tidak mempunyai sebarang kedudukan perundangan. Dengan demikian, enggunaannya juga semakin hari semakin berkurangan. Apa yang paling membimbangkan ialah kepupusan bahasa-bahasa tersebut. Oleh yang demikian, kajian terhadap bahasa-bahasa demikian amat penting dan perlu dilakukan secepat mungkin.

## 2.2.1 Peluasan Konsep Melayu

Persidangan atau seminar pengajian Melayu (atau pengajian bahasa Melayu) yang diadakan di Malaysia bukan sahaja dihadiri oleh sarjana-sarjana tempatan, sebaliknya pasti terdapat beberapa orang sarjana undangan dari negara-negara luar, terutamanya dari Brunei, Singapura, Indonesia dan Thailand, di samping beberapa orang pengkaji dari luar dunia Melayu. Halnya sama dengan persidangan pengajian Melayu yang diadakan di Singapura, Brunei dan Thailand. Dalam persidangan yang bersifat demikian, terutamanya dalam ucap utama atau kertas dasar yang disampaikan oleh tokoh-tokoh pengajian Melayu terkenal, sentiasa ditekankan betapa luasnya konsep Melayu sehingga dapat meliputi seluruh kawasan Nusantara, dan bangsa serumpunnya terdapat di antara bangsa peribumi Taiwan, Sri Lanka, Madagascar, Surinam dan sebagainya. Sejakar dengan itu, beberapa badan tertentu berusaha untuk memperluas konsep Melayu kepada seluruh kawasan Nusantara, malah lebih dari itu hingga meliputi daerah-daerah lain.

Dalam hal ini pertalian budaya Melayu-Polinesia atau Austronesia menjadi teras berbincangan. Misalnya, GAPENA mengadakan satu simposium budaya Melayu-Polinesia pada tahun 1998. Konsep teras dalam simposium tersebut ialah Melayu sebagai konsep yang dapat merangkumi seluruh kawasan yang disebut di atas. Dewan Bahasa dan Pustaka, selaku badan kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perkembangan bahasa Melayu, juga menubuhkan Bahagian Pengembangan Bahasa

Melayu Antarabangsa di bawah Jabatan Bahasa untuk tujuan yang sama dalam konteks kebahasaan khususnya<sup>1</sup>.

Definisi istilah Melayu yang amat luas yang diterangkan di atas ini bermaksud bahawa orang Melayu di Malaysia tidak semestinya mengepungkan istilah tersebut dalam tangan bangsanya sendiri sahaja, malah terdapat pihak-pihak yang tertentu yang ingin memperluas konsep Melayu sebagai konsep yang dapat merangkumi segala corak kebudayaan yang terdapat dalam dunia Melayu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat sisa-sisa sentimen perkauman yang diwarisi sejak zaman penjajahan yang memerintah tanah Melayu dengan dasar pecah dan perintah. Misalnya, sebagai seorang mualaf, pengkaji kerap kali ditanya oleh orang Melayu, bilakah saya “masuk Melayu”. Dalam ungkapan yang berdasarkan kesalahfahaman ini masih terdapat fahaman bahawa “Melayu adalah Islam” atau sebaliknya. Lalu timbulah ungkapan “masuk Melayu” sebagai yang bermaksud “masuk Islam”. Walaupun demikian, seperti dicerminkan dalam keadaan politik baru-baru ini, pihak pemerintah dan pihak pembangkang masing-masing boleh bergabung dengan parti-parti bangsa lain. Ini menunjukkan bahawa sekiranya ada sesuatu perkara yang penting atau perlu dituntut, perbezaan kaum tidak lagi menjadi halangan. Dengan kata lain, peluasan atau neutralan konsep Melayu di Malaysia berkaitan rapat dengan surutnya perasaan perkauman yang pernah membawa akibat yang buruk.

---

Nampaknya, usaha yang bersifat demikian dilakukan terutamanya oleh perbadanan bahasa, institut pengajian tinggi atau pertubuhan bukan kerajaan, manakala pihak berkuasa, terutama kedutaan Malaysia menunjukkan kelembapan dalam hal ini. Nik Safiah (1995 : 29) menegaskan kedutaan Malaysia memainkan peranan mengenalkan budaya Malaysia seperti yang dilakukan oleh kedutaan Indonesia.

## 2.2. Konsep Melayu dalam Soal Kebahasaan

Peluasan konsep Melayu di Malaysia amat ketara terutamanya dalam bidang kebahasaan. Sesuai dengan sejarahnya sebagai lingua franca di seluruh kawasan Nusantara, dalam negara induknya sendiri bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa perhubungan antara kaum. Dengan kata lain, boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu bukanlah menjadi milik bangsa Melayu secara monopoli, sebaliknya digunakan oleh semua kaum yang bermastautin di Malaysia. Di Semenanjung Tanah Melayu, misalnya, kita dapat menyaksikan (atau lebih tepat mendengar) perbualan antara orang India dengan orang Cina yang menggunakan bahasa Melayu, walaupun biasanya dalam bentuk bahasa pasar, di samping perbualan dalam bahasa Inggeris. Lebih-lebih lagi, salah satu matlamat dasar bahasa di Malaysia ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan semua kaum. Dalam bidang pendidikan pula, sistem pendidikan di Malaysia dirancang untuk tujuan yang sama, iaitu perpaduan kaum, dengan menggunakan bahasa pengantar yang tunggal (Penyata Razak 1956, dalam Nik Safiah 1992 : 20).

Pada tahun 1969 bahasa Melayu mengalami penukaran nama yang bersifat politik, iaitu dari bahasa Melayu ke bahasa Malaysia. Penukaran nama ini disebabkan oleh Peristiwa 13 Mei yang muncul dalam bentuk pergaduhan kaum. Dengan demikian, pucuk pimpinan negara menyedari keperluan untuk menukar nama bahasa kebangsaannya (Asmah, 1993 : 103). Tetapi sekarang istilah ‘bahasa Malaysia’ ini tidak lagi digunakan dalam konteks pengajian bahasa disebabkan oleh peluasan konsep ini sebagaimana yang telah dijelaskan, walaupun penggunaan istilah ‘bahasa Malaysia’

masih terdapat dalam percakapan biasa. Tetapi penggunaan istilah ‘bahasa Malaysia’ dalam percakapan biasa bukanlah bersifat negatif. Apa yang dicerminkan dalam penggunaan istilah ini ialah anggapan bahawa bahasa ini adalah bahasa negara, iaitu bukan menjadi milik mana-mana kaum. Mengikut perhatian pengkaji, kaum bukan Melayu lebih gemar menggunakan istilah ini berbanding dengan orang Melayu, yang selalunya merujuk bahasa mereka sebagai ‘bahasa Melayu’.

Sesetengah pemimpin kaum bukan Melayu di Malaysia berusaha untuk menggunakan bahasa Melayu dalam wawancara dengan wartawan. Terdapat juga sejumlah besar pengkaji bahasa Melayu atau penulis cerita/cerpen bahasa Melayu yang kaumnya bukan Melayu, malah ada juga kamus bahasa Melayu – bahasa Melayu/bahasa Inggeris yang disusun oleh penulis kaum Cina (Kamus Perwira, 1998). Pembaca berita kaum bukan Melayu dalam televisyen (seterusnya TV) dapat menyampaikan berita dalam bahasa Melayu dengan amat lancar. Keadaan ini menunjukkan sifat keneutralan konsep Melayu terutamanya dari segi bahasa di Malaysia.

Dari sudut yang lain pula, boleh dikatakan bahawa keneutralan konsep Melayu yang ada pada bahasa Melayu ini menunjukkan peranan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kaum dalam negara. Kaum yang ada di Malaysia menunjukkan kepelbagaiannya yang amat tinggi. Mereka berlainan dari hampir semua segi, seperti agama, kepercayaan, cara hidup, pemakanan dan sebagainya. Jika sekiranya unsur-unsur lain, terutamanya yang berkaitan dengan kepercayaan dan agama dijadikan alat perpaduan, jelaslah bahawa pihak pemerintah akan menerima tentangan yang amat hebat. Dengan demikian, bahasa dipilih sebagai alat perpaduan kaum kerana sifat keneutralannya.

Walaupun masih terdapat pihak yang menganjurkan bahasa Inggeris supaya dijadikan bahasa utama terutamanya dalam bidang sains dan teknologi (lihat Hashim Hj Musa, 1998), secara umumnya bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa bagi semua kaum dalam kebanyakan bidang termasuk pendidikan tinggi dan pentadbiran. Kini bahasa Melayu menunggu penggunaan yang lebih luas dalam bidang tertentu yang penting seperti perundangan, perniagaan, ekonomi, sains dan teknologi serta teknologi maklumat.

### **2.3 Konsep Melayu di Thailand**

Para budayawan atau ahli bahasa dari selatan Thailand yang terdiri daripada bangsa Melayu sentiasa menekankan pertalian antara konsep Melayu dengan Islam, baik dalam buku atau makalah mahupun dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar, persidangan dan yang seumpamanya. Pertalian bahasa Melayu dengan Islam merupakan satu ciri konsep Melayu yang amat penting di Thailand.

Di Thailand, selain orang Melayu yang kebanyakannya bermastautin di wilayah sempadan selatan, terdapat golongan Muslim yang lain di hampir seluruh negara, walaupun berbanding dengan kawasan kediaman orang Melayu jumlahnya tidak begitu ramai. Hassan Madmarn (1998 : 15) membahagikan orang Melayu di Thailand kepada dua komponen, iaitu (1) orang Melayu yang menggunakan bahasa Melayu dalam percakapan sehari-hari, dan (2) orang Melayu yang menggunakan bahasa Thai dalam percakapan mereka. Menurut Jihad Muhammad (1999 : 5), daripada jumlah penduduk

di seluruh Thailand, iaitu seramai 61,466,178 orang pada hujung tahun 1998, kadar penduduk yang menganut agama Islam ialah kira-kira 7 peratus atau lebih kurang 4,300,000 orang. Antaranya, sebanyak 65 peratus atau lebih kurang 2,795,000 orang tinggal di lima wilayah sempadan selatan (Patani, Yala, Narathiwat, Satun dan Songkla), dan mereka ialah orang Melayu yang menggunakan bahasa Melayu dalam percakapan sehariannya.

Walaupun demikian, antara lima wilayah yang tersebut di atas, wilayah Satun merupakan wilayah yang paling kurang penggunaan bahasa Melayunya, berbanding dengan wilayah-wilayah lain. Malah kadar penggunaan bahasa Thai amat tinggi sehingga mencapai kadar 95% (Amon Thawisak, 1987 : 7). Walaupun demikian, memandangkan bahawa wilayah ini pada ketika dahulu sebahagian daripada negeri Kedah (Imran Maklulim, 1995 : 57-58), iaitu sebahagian daripada dunia Melayu, apabila dirujuk istilah ‘Empat Wilayah Sempadan Selatan’ termasuklah wilayah ini sebagai sebahagian daripadanya. Dari segi jumlah penutur bahasa Melayu, wilayah Songkla lebih banyak daripada wilayah Satun (Amon Thaiwsak, 1987 : 7), tetapi kadar orang Islam lebih banyak di wilayah Satun.

Di luar kawasan induk orang Melayu tersebut, orang Melayu dalam kumpulan kedua, iaitu yang tidak menggunakan bahasa Melayu terdapat di wilayah-wilayah seperti Patthalung, Nakhon Sri Thammarat, Krabi, Pangnga, Ranong, dan Phuket. Namun begitu, di kawasan-kawasan tersebut ada juga sedikit orang Melayu yang masih berbahasa Melayu (Hasan Madmarn, 1998 : 15).

### 2.3.1 Orang Islam dalam Thailand

Golongan yang menjadi tumpuan bagi perbincangan dalam kajian ini ialah penduduk beragama Islam di wilayah sempadan selatan atau yang dikenali sebagai *orang Nayu*. Walaupun begitu, untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas yang boleh dijadikan latar belakang perbincangan, diberikan keterangan tentang orang-orang Islam yang bukan Melayu yang terdapat di luar kawasan Melayu di Thailand.

Imran Malulim (1995 : 5-6) menyenaraikan jenis kumpulan penduduk beragama Islam di Thailand seperti yang berikut:

1. Kumpulan Orang Thai. Mereka terdiri daripada bangsa Thai yang memeluk agama Islam dengan pilihan sendiri sama ada disebabkan oleh perkahwinan dengan wanita Islam ataupun kesedaran sendiri dan hidayah.
2. Kaum Cam atau Campa. Terdiri daripada pelarian dari kerajaan kuno Champa. Mereka mengekalkan hubungannya dengan tanah asal sebelum kejatuhan pemerintah Lonnol pada tahun 1975.
3. Kaum dari Asia Barat, terutamanya dari Iran. Mereka berkahwin dengan orang tempatan dan meresap dalam masyarakat tempatan dengan baik, malah memainkan peranan penting semasa zaman kerajaan Ayutthaya.
4. Kaum dari Asia Selatan, seperti dari Bangladesh, Pakistan, Afghanistan dan Sri Lanka.
5. Kaum-kaum yang datang dari Indonesia. Mereka juga dapat menyesuaikan diri dengan orang tempatan terutamanya golongan Melayu, baik di sekitar ibu kota

Bangkok mahupun di wilayah sempadan selatan kerana persamaan budaya dan bahasa.

6. Orang China Muslim. Selain golongan yang datang dari selatan China, ada juga bekas yang masuk ke Thailand semasa zaman Kuomintang.
7. Orang Sam-Sam yang bermastautin di kawasan sempadan Thailand-Malaysia. Kebanyakannya tinggal di wilayah Satun dan Songkhla. Mereka bertutur bahasa Thai campur bahasa Melayu. Kaum ini juga terdapat di beberapa negeri di Malaysia seperti Kedah dan Kelantan.
8. Kaum Thai-Melayu. Kaum ini serupa dengan orang Thai kecuali agamanya. Dari segi budaya dan bahasa, mereka telah diasimilasikan dengan bangsa Thai, cuma agamanya masih dikekalkan.
9. Orang Melayu. Mereka menolak dasar asimilasi, sebaliknya masih mengekalkan cara hidup serta budaya Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu (dalam bentuk dialek Patani atau Satun), dan sistem pendidikan agama yang tradisional masih digemari.

Dalam bahagian terdahulu telah ditegaskan bahawa konsep Melayu atau Nayu di Thailand merupakan satu anggapan yang menunjukkan pertalian antara bahasa dengan agama yang amat erat. Dengan demikian, kumpulan yang tidak lagi bertutur dalam bahasa Melayu tidak menganggap dirinya sebagai orang Melayu, walaupun nenek-nonyangnya bangsa Melayu. Satu contoh kumpulan yang telah tidak lagi menggunakan bahasa Melayu ialah orang Islam di Ayutthaya. Bahasa Melayu yang merupakan lingua franca bagi semua pedagang di Asia Tenggara memainkan peranan yang amat penting pada zaman dahulu, terutamanya sejak abad ke-17. Menurut Uri Tadmor (1992 : 485),

jaringan perdagangan yang rumit di Asia Tenggara menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan. Sebagai salah sebuah pusat perdagangan pada masa lampau, di Ayutthaya juga bahasa Melayu digunakan oleh para pedagang dari berbagai tempat. Masyarakat Muslim lain seperti orang Cam, orang Makasar dan orang Jawa juga menggunakan bahasa Melayu (Uri Tadmor 1992 : 485). Namun bahasa Melayu di Ayutthaya telah ditelan oleh perjalanan masa, dan kini tidak dituturkan lagi. Dengan demikian, orang Islam di Ayutthaya tidak boleh digolongkan sebagai golongan kesembilan dalam senarai di atas, tetapi digolongkan sebagai golongan yang kelapan.

### **2.3.2 Orang Melayu di Sekitar Bangkok dan Perpindahan Orang Thai ke Selatan**

Berlainan daripada orang Muslim di Ayutthaya, sebahagian masyarakat orang Islam di sekitar ibu kota Bangkok masih bertutur dalam bahasa Melayu dan menggunakan dalam percakapan sehari-hari, malah masih mengekalkan pertalian dengan kawasan induk di selatannya. Selain orang Melayu, di sekitar ibu kota Bangkok juga terdapat masyarakat orang Indonesia yang masih menggunakan bahasa Indonesia dalam khutbah Jumaatnya, ataupun orang Islam dari India atau Iran. Berlainan dengan golongan tersebut, orang Melayu di sekitar ibu kota Bangkok masih berjati diri Melayu. Salah satu sebab ialah orang Melayu di sekitar ibu kota Bangkok ialah keturunan tawanan perang yang dibawa ke situ oleh kerajaan Siam setelah kerajaan Patani mengalami kekalahan. Tawanan perang dari Patani dibawa ke ibu kota Bangkok dengan beberapa sebab.

Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999a : 108) menyenaraikan faktor-faktor yang mendesak kerajaan Siam untuk membawa tawanan perang ke Bangkok seperti yang berikut:

- (a) Untuk menambahkan tenaga kerja dalam pembangunan kota Bangkok yang mula diasaskan serta demi menambahkan jumlah warga Bangkok yang belum lagi terjamin daripada serangan tentera Burma (Sawvanee Jitmoud, 1988 : 110)
- (b) Untuk menjadikan tawanan dari Patani sebagai tenaga kerja dalam memperbanyak bahan makanan sebagai bekalan dalam menghadapi serangan Burma (Ratchanee Sadprem, 1978 : 53-53)
- (c) Untuk memperkecil jumlah penduduk Melayu Patani supaya dapat mengelak daripada sebarang niat atau cita-cita untuk melepaskan diri daripada pemerintahan Siam atau melakukan sesuatu untuk membebaskan diri daripada kawalan Siam (Himpunan Hikayat Ratanakosin, 1963 : 459)
- (d) Sebagai langkah pengasimilasian kaum (Phan-ngam Ngauthammasan, 1976 : 42)

Menurut Uri Tadmor (1992 : 487) pula, penempatan semula ini berlaku dari abad ke-17 hingga abad ke-19, dan tawanan perang yang dibawa ke Bangkok diberikan dua tugas. Katanya lagi,

“Pertama, mereka bekerja sebagai buruh untuk penanaman dan pemeliharaan ladang lada hitam yang luas, milik kerajaan Thai. Kedua, penempatan kampung-kampung Melayu di sekeliling Bangkok itu dimaksudkan sebagai semacam sistem ‘kubu hidup’ yang dapat melindungi

bandar Bangkok daripada serangan Burma atau Vietnam, kerana pada waktu itu Negeri Thai sering diancam serangan negara-negara saingannya di daratan Asia Tenggara.” (Uri Tadmor, 1992 : 487)

Mungkin kerana penempatan semula ini disebabkan oleh paksaan, maka penduduk kaum Melayu di sekitar ibu kota Bangkok masih mengekalkan pertalian dengan kawasan induknya, serta bertutur dalam bahasa Melayu (dialek Patani). Walaupun demikian, penggunaannya semakin hari semakin berkurangan. Hal ini dibincangkan dalam bahagian akhir bab seterusnya nanti.

Di samping itu, ada juga orang-orang Melayu Patani yang meninggalkan tanah tumpah darahnya disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut (daripada Mohd. Zamberi, 1994 : 249):

1. Pelajaran – pusat-pusat pengajian tinggi tidak terdapat di wilayah-wilayah berbahasa Melayu. Oleh itu sebahagian besar pelajar Melayu-Islam terpaksa berhijrah untuk melanjutkan pengajian, sama ada di ibu negara ataupun institusi pengajian di luar negeri.
2. Politik – pembabitan umat Islam Patani atas kesedaran Islam terhadap tanah air yang dijajah dan ditindas menyebabkan banyak antara mereka yang terpaksa lari meninggalkan kampung halaman, hidup bersembunyi mendapatkan perlindungan sama ada di negara jiran ataupun di negara-negara Asia Barat.
3. Ekonomi – perpindahan yang disebabkan oleh desakan ekonomi di kalangan masyarakat Islam di Patani, Yala, dan Menara (Narathiwat) ini berkaitan rapat

dengan peluang pekerjaan dan mata pencarian. Kawasan tengah negeri Thai, dan negara jiran seperti Malaysia, begitu juga negara Arab Saudi, terutama kota suci Makkah, menjadi tumpuan masyarakat Islam yang berbahasa Melayu ini.

Sebagai imbangan bagi penempatan semula orang Melayu di kawasan sekitar bu kota Bangkok, orang Thai pula digalakkan berpindah dan bermastautin di wilayah sempadan selatan. Perpindahan ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut (dari Worawit Baru @ Ahmad Idris 1988 dalam Mohd. Zamberi, 1994 : 248):

- Peluang pekerjaan – peluang pekerjaan seperti buruh kasar, kakitangan sektor awam atau swasta, perkhidmatan dalam angkatan keselamatan polis dan tentera.
- Ekonomi – pembabitan dalam sektor perniagaan, menubuhkan syarikat, perusahaan kilang perladangan, dan yang sebagainya.
- Sosial – motifnya seperti perkahwinan, mengikut keluarga, atau kawan-kawan dan yang sebagainya.

Menurut Jihad Muhammad (1999 : 3), pada asalnya, iaitu sebelum pembawaan awan perang dan perpindahan orang Siam/Thai ke wilayah selatan sempadan, dalam awasan ini kadar penduduk Islam sebanyak 95 peratus. Tetapi sekarang kadarnya turun sehingga tidak melebihi 80 peratus. Jika kita memikirkan kadar ini, oleh sebab orang Islam di wilayah sempadan selatan bersinonim dengan orang Melayu, maka boleh dikatakan bahawa kadar orang Melayu ini, walaupun menurun secara mendadak sejak penempatan semula orang Melayu dan perpindahan orang Thai, masih boleh dianggap sebagai kadar yang amat tinggi. Hal ini lebih jelas jika dibandingkan dengan keadaan di

Malaysia. Dalam negeri-negeri di Malaysia tidak ada negeri yang kadar orang Melayunya setinggi ini. Dengan demikian, kerajaan Siam/Thai berasa bimbang terhadap wujudnya kumpulan yang begitu besar, yang merupakan ‘musuh tradisional’ (Mohd. Zamberi, 1992 : 1), dan sentiasa menentang dasar kerajaan asimilasi dan integrasi, malah kerajaan juga menganggap bangsa Melayu sebagai ancaman besar terhadap keselamatan negara, lalu diambil berbagai-bagai dasar yang berbentuk dasar asimilasi supaya menanam kesedaran sebagai warganegara Thailand. Aspek dasar kerajaan Siam/Thai dibincangkan dalam **Bab 3**.

### **2.3.3 Konsep Siam sebagai Lawanan terhadap Konsep Melayu**

Walaupun ada istilah yang ditentukan oleh kerajaan Thai untuk merujuk kepada orang Islam dalam negaranya secara tuntas, tidak kira keturunan dan perkauman, iaitu *Thai Muslim* (atau ‘*Thai Islam*’), istilah ini tidak digemari orang Melayu sendiri disebabkan oleh beberapa faktor. Seperti yang dijelaskan dalam bahagian **3.3.1**, selain orang Melayu, di Thailand terdapat beberapa kumpulan Muslim yang dicirikan oleh corak kebudayaan masing-masing. Antaranya ada golongan yang mengasimilasikan diri dengan budaya Thai dengan baik, kecuali aspek agama. Sebaliknya, bangsa Melayu di Thailand, terutamanya di wilayah sempadan selatan, menolak dasar asimilasi kerajaan Thai, dan tetap mengekalkan jati diri dan budaya Melayunya sendiri. Dengan demikian, boleh dikatakan bahawa istilah *Thai Muslim* ialah istilah yang bersifat politik, dan engaja tidak menghiraukan perbezaan budaya yang ada antara golongan Muslim, termasuk aspek bahasa.

Pemimpin gerakan yang menuntut autonomi Patani, Haji Sulung Abdul Kadir Tok Mina menyatakan rasa tidak puas hati terhadap panggilan ini, kerana istilah ini mengingatkan kekalahan pihak Patani dalam perperangan dengan Siam. Menurutnya, ‘istilah ‘*Thai Muslim*’ yang digunakan untuk merujuk kami ini menyinggung perasaan kami, dan mengenangkan kembali kekalahan dalam perperangan. Jadi kami tidak suka sama sekali istilah ini. Kami amat menginginkan supaya pihak kerajaan memberi kehormatan kami dengan panggilan ‘*Melayu Muslim*’.” (Sauwani Catmuat, 1988 dalam mran Maklulim, 1995 : 11).

Kekacauan timbul apabila istilah ini digunakan dalam bidang pengajian. Istilah Melayu tidak juga digunakan dalam karya pengajian walaupun untuk merujuk kepada orang-orang Melayu. Jika mereka dirujuk, istilah yang agak putar belit digunakan, iaitu *Thai Muslim* atau dikatakan sebagai ‘orang Thai yang menganut agama Islam (/c<sup>h</sup>au t<sup>h</sup>ai naptu: sa:tsana: itsala:m/)’. Misalnya, dalam pengajiannya terhadap dialek-dialek bahasa Melayu di Thailand, Amon (1980 : 8) mengatakan bahawa,

“Jika dikaji dari segi sosial, berbagai-bagai dialek bahasa Melayu (dalam Thailand) merupakan bahasa ibunda bagi orang Thai yang menganut agama Islam, atau dengan kata lain, bahasa asli (native language) bagi Thai Muslim. Tetapi jika dikaji dari segi linguistik, rumpun bahasa ini merupakan dialek bahasa Melayu baku”.

Penjelasan yang berputar belit seperti ini tidak akan timbul sekiranya istilah Melayu boleh digunakan untuk merujuk kepada orang Melayu, misalnya boleh

mengambil bentuk seperti yang berikut; "berbagai-bagai dialek bahasa Melayu dalam Thailand merupakan bahasa ibunda bangsa Melayu, dan dari segi linguistik dialek tersebut merupakan dialek bagi bahasa Melayu baku". Oleh sebab istilah *Thai Muslim* diwajibkan, maka untuk menunjukkan hal tersebut, para pengkaji perlu mengalami kesulitan seperti dalam bentuk yang telah dipetik di atas.

Berhubungan dengan istilah *Thai Muslim* ini, istilah *Thai* pula tidak digemari oleh orang Melayu kerana dianggap sebagai lawan terhadap Melayu (atau *Nayu* dalam dialek Patani). Dalam bahasa Melayu dialek Patani, perkataan *Thai* masih tidak digunakan atau jarang sekali penggunaannya, sebaliknya perkataan *Siam* (/sie/) tetap digunakan untuk merujuk kepada segala sesuatu yang bersifat Thai, seperti bahasa (/bas sie/), bangsa (/oye sie/) dan sebagainya. Tetapi maksud bagi kedua-dua istilah *Thai* dengan *Siam* sama, dan membangkitkan konotasi-konotasi tertentu kepada orang Melayu. Walaupun kini kesedaran sebagai warga negara Thai antara orang Melayu semakin meningkat, seperti yang dicerminkan dalam peralihan panggilan terhadap raja negara, dari raja Siam (/rajo sie/) kepada raja kita (/rajo kitə/), perasaan tidak senang terhadap istilah *Siam* ini masih berakar. Menurut Paitoon (1993 : 121), antara orang Melayu di selatan Thailand terdapat etimologi rakyat seperti yang berikut:

*Siam* adalah satu bangsa yang menjadi penduduk utama dan beragama Buddha di Thailand

*Nayu* adalah bangsa Melayu yang menjadi penduduk kecil dan beragama Islam di Selatan Thailand

Dengan demikian, istilah *Thai Muslim* yang dapat menimbulkan konotasi *Siam* ini tentulah tidak digemari oleh orang Melayu. Berhubung dengan perkara ini, Khacatphai (1976 : 165) menurunkan analogi yang menarik. Menurutnya, perkataan /basə/ dalam bahasa Melayu dialek Patani boleh merujuk kepada dua konsep, iaitu ‘bahasa’ dan ‘bangsa’. Oleh itu, /basə nayu/ boleh mendakung dua maksud, iaitu ‘bahasa Melayu’ dan ‘bangsa Melayu’, dan tentunya bahasa dan bangsa Melayu dikaitkan secara sangat erat dengan agama Islam. Sebaliknya, jika disebut /basə sie/, ini bukan sahaja menimbulkan bahasa dan bangsa Thai, malah dianggap sebagai sesuatu yang berkaitan dengan agama Buddha (perkataan *kapir/kafir* juga digunakan). Apatah lagi perkataan basə/ ini dalam dialek Patani, selain bangsa dan bahasa, boleh juga merujuk kepada ‘basa’ yang bererti ‘perangai’ atau ‘fitrah’.

Surin Phitsuwan (1982, dalam Imran Maklulim, 1995 : 11) pula menyatakan bahawa:

“Istilah ‘Melayu’ dan istilah ‘Muslim’ mempunyai makna yang sama. Manakala istilah ‘Thai’ atau ‘Siam’ dengan ‘Buddha’ pun mempunyai makna yang sama. Dengan demikian, panggilan ‘Thai Muslim’ merupakan panggilan yang bercanggah, kerana jadi Buddha pun tidak boleh, jadi Islam pun tidak boleh. Pada masa yang sama, sehingga hari ini istilah ‘*Thai Islam*’ ini secara umum masih menjadi kebencian dalam kawasan kediaman orang Melayu di bahagian selatan (Thai).”

Kesimpulannya, konsep Melayu bukan sahaja membawa maksud bahasa dan bangsa, malah dikaitkan dengan agama Islam dan sifat atau fitrah kemelayuannya. Konsep *Siam* (atau Thai) pula membawa konotasi yang dikaitkan dengan agama Buddha. Dengan demikian, istilah *Muslim Thai* merupakan satu istilah yang boleh mendatangkan kekeliruan (dan juga mungkin kebencian atau kemarahan) kepada penduduk Melayu yang tentunya beragama Islam. Dalam istilah ini, konsep *Islam* dengan konsep *kafir* (konotasi yang dibangkit dari istilah *Thai*) dalam minda orang Melayu selatan Thailand terpaksa dicantumkan. Dengan kata lain, dalam bahasa Melayu dialek Patani, kedua-dua istilah Melayu dan Siam ini bukan sahaja dikaitkan dengan bahasa dan bangsa, tetapi dikaitkan juga dengan agama anutan bangsa masing-masing.

Walaupun halnya demikian, seperti yang telah dijelaskan di atas, kini antara rang Melayu telah tumbuh kesedaran sebagai warganegara Thailand, dan orang-orang Melayu, terutamanya golongan muda yang berpendidikan bahasa Thai, telah menganggap dirinya sebagai orang Thai (atau warganegara Thailand), malah terdapat satu kemegahan dalam kelakuan berbahasa Thai (Mohd. Zamberi, 1994 : 245). Dengan demikian, istilah *Siam* ini digunakan untuk merujuk kepada bangsa Thai, manakala istilah *Thai* pula dianggap sebagai istilah yang merujuk kepada warganegara Thailand secara keseluruhannya.

### **3.4 Istilah *Khaek* dan Konotasinya**

Di satu pihak orang Melayu memanggil orang Thai dengan istilah *Siam* disertai dengan konotasi tertentu, pihak orang Thai pula pernah (ataupun masih) memanggil

orang Melayu dengan satu istilah yang juga mengandungi konotasi yang agak negatif, iaitu *khaek*.

Menurut *Photcanaanukrom Chabap Raacabandityasathaan* (1982), istilah ini membawa maksud ‘tetamu’ atau ‘pendatang’, dan juga menjadi panggilan untuk kaum dari India, Sri Lanka, Pakistan, Bangladesh, Afghanistan, Nepal, orang Melayu atau orang Timur Tengah. Di sini, ‘Melayu’ merangkumi kaum-kaum yang menggunakan bahasa Melayu, dengan itu orang Indonesia juga termasuk dalam golongan ini. Untuk merujuk kepada satu-satu kaum tersebut, selepas perkataan *khaek* diletakkan nama-nama kaum, misalnya *khaek Paki* bermaksud ‘orang Pakistan’, dan *khaek Indo* sebagai ‘orang Indonesia’ dan sebagainya (Paitoon, 1993 : 120). Di samping kaum yang disebut di atas, menurut *Photcanaanukrom Thai-Yiipun*, istilah *khaek* juga boleh merujuk kepada orang kulit hitam, baik di Afrika maupun di Amerika. Kesimpulannya, sebagai rujukan makna istilah ini boleh merujuk kepada orang-orang beragama Islam atau orang yang berkulit hitam. Dalam penggunaan umum, istilah ini biasanya digunakan untuk merujuk kepada orang-orang beragama Islam dalam negeri.

Seperti halnya bagi istilah *Siam* yang digunakan oleh orang Melayu dalam Thailand, istilah *khaek* ini juga mengandungi konotasi tertentu. Jika kita memikirkan makna asalnya, iaitu ‘pendatang’ atau ‘tetamu’, istilah ini tidak mendatangkan sebarang masalah sekiranya digunakan oleh kaum-kaum pendatang. Di Malaysia, dalam enggolongan kaum, bangsa Cina dan bangsa India boleh dirujuk sebagai ‘ kaum pendatang’. Istilah ini digunakan tanpa sebarang konotasi yang menghinakan atau

mendiskriminasikan, sebaliknya dianggap sebagai fakta sejarah yang memang sewajarnya. Masalah penggunaan istilah *khaek* di Thailand ialah istilah ini digunakan kepada kaum peribuminya sendiri. Menurut Paitoon (1993 : 120), panggilan *khaek* ini mula digunakan pada awal zaman kerajaan Rattanakosin, dan digunakan buat seketika sebagai panggilan yang mengandungi kehinaan. Panggilan ini juga boleh membangkitkan kemarahan daripada pihak yang dirujuk sebagai *khaek*. Salah satu sebab kemarahan ialah, bagi orang Melayu, wilayah sempadan selatan merupakan tanah airnya sendiri, tetapi dalam panggilan *khaek* mereka dianggap sebagai penumpang, walaupun tinggal di tanah sendiri (Mohd. Zamberi, 1994 : 253).

Jika dilihat dari makna, konotasi dan penggunaan istilah *khaek* ini, sikap orang Siam/Thai yang boleh disifatkan angkuh sebagai penjajah dalam negara atau pihak penakluk terhadap bangsa Melayu dalam negaranya sendiri. Kerajaan Melayu Patani ditakluki secara keseluruhannya oleh kerajaan Siam (kemudian Thai) pada tahun 1902, berikutan dengan penangkapan raja Patani terakhir, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin alu dilucutkan jawatannya (Mohd. Zamberi, 1994 : 85). Sejak itu, bangsa Melayu diperintah secara langsung oleh kerajaan Siam, dan timbulah kehinaan terhadap orang Melayu, di samping perasaan permusuhan yang berakar umbi sejak zaman-

Panggilan terhadap bahasa Melayu yang digunakan oleh orang Thai juga menunjukkan kekeliruan. Secara rasmi atau dalam bidang pengajian, panggilan untuk bahasa Melayu ialah *phaasaa Malaayuu thong thin* yang bermaksud dialek bahasa Melayu. Tetapi dalam bahasa Thai percakapan terdapat beberapa ungkapan yang tidak

epat, seperti *phaasaa khaek* “bahasa *khaek*”, *phaasaa yawii* bermaksud “bahasa Jawi” atau *phaasaa itsalaam* “bahasa Islam” (Amon, 1987 : 1). Berbanding dengan *phaasaa khaek* dengan *phaasaa itsalaam*, panggilan *phaasaa yawii* boleh dikatakan bersifat neutral dan berdasarkan fakta, kerana di selatan Thailand, bahasa Melayu memang ditulis dalam tulisan Jawi, baik dalam kitab agama, nama-nama kedai, iklan barang, papan tanda pemilihan umum dan sebagainya. Penggunaan tulisan Jawi masih berterusan sehingga hari ini.

Dengan demikian, secara rumusannya boleh dikatakan bahawa istilah *Siam* yang digunakan oleh orang Melayu di selatan Thai dan istilah *khaek* yang digunakan oleh orang Thai menunjukkan persamaan yang menarik. Kedua-dua istilah ini tidak digunakan dalam situasi rasmi, dan mengandungi konotasi tertentu yang negatif bagi sihir masing-masing. Sebagaimana orang Melayu mengaitkan orang Thai (*Siam*) dengan agama Buddha atau kekafiran, orang Thai juga mengaitkan orang Melayu dengan agama Islam dan kemunduran dari segi ekonomi.

Pada masa yang sama, istilah rasmi terhadap kedua-dua bangsa ini, iaitu Muslim Thai dan orang Thai juga tidak digunakan dalam percakapan seharian. Dalam bahasa Thai percakapan orang Melayu selalunya dirujuk sebagai *khon Malaayuu* (orang Melayu) atau *khon khaek*, manakala orang Thai pula dalam bahasa Melayu dialek Patani entiasa dirujuk sebagai *Siam* (/sie/).

## 2.4 Penutup

Konsep Melayu di kedua-dua negara ini mempunyai konotasi yang amat berlainan. Di Malaysia, konsep ini semakin diperluas dan dineutralkan. Di Thailand pula, istilah ini dikaitkan dengan agama Islam secara tidak dapat dipisahkan, sehingga imbul panggilan *phaasaa itsalaam* (bahasa Islam) dalam bahasa Thai percakapan untuk merujuk kepada bahasa Melayu (dialek Patani). Bahasa Melayu juga menjadi teras kebangsaan Melayu, dan memainkan peranan yang amat penting dalam jati diri Melayu. *danya kumpulan yang begitu kuat perasaan perkauman dalam negaranya ini tidak menyenangkan hati kerajaan Siam/Thai, malah dianggap olehnya sebagai ancaman terhadap keselamatan dan perpaduan negara.* Dengan demikian, diambilah dasar-dasar yang bersifat asimilasi oleh kerajaan terhadap bangsa Melayu, dan ini meliputi bidang-bidang yang berkaitan dengan bahasa. Pelaksanaan dasar yang bersifat demikian lama-lamaan melemahkan kedudukan bahasa Melayu di samping mempengaruhi korpus bahasanya secara mendalam seperti yang dibincangkan dalam **Bab 5**. Puncanya ialah perselisihan faham atau percanggahan hasrat antara golongan bangsa Melayu dengan kerajaan Siam/Thai. Pada satu pihak kerajaan hendak menyatupadukan rakyat berdasarkan konsep kenegaraan Thai (*khwaam Pen Thai*) yang berteraskan budaya dan bahasa Thai, pada pihak yang lain pula, orang Melayu ingin menegakkan kebangsaannya yang berteraskan budaya dan bahasa Melayu. Di samping itu perbezaan agama, iaitu agama Buddha dan agama Islam tetap memainkan peranan yang tertentu.